

## **BAB 1**

### **PEKERJA ASING**

#### **1.1 Pengenalan.**

Perkembangan yang pesat di dalam tahun '90 an tetapi tidak serata di rantau Asia dari segi pertumbuhan ekonomi di beberapa negara Asean terutamanya Malaysia, meletakkan negara ini sebagai tumpuan lebihan tenaga kerja dari negara-negara jiran. Tambahan pula, visi Malaysia menuju tahun 2020 ialah untuk menjadi sebuah negara yang maju. Oleh itu, dengan keadaan ekonomi masa kini yang sedang berkembang dengan mampannya, keperluan kepada pengisian di dalam kekurangan tenaga kerja adalah tidak dapat dinafikan.

Dalam satu anggaran (Migration News, vol.2.#6, Jun, 1995), dengan kadar pertumbuhan projek kerajaan sebanyak 7 peratus setahun, menjelang tahun 2020 Malaysia akan memerlukan pekerja seramai 23 juta orang. Hingga kini, Malaysia hanya akan mampu mengeluarkan seramai 13 juta sahaja. Malaysia bukan sahaja memerlukan pekerja tidak mahir tetapi juga tenaga mahir. Mengikut Maureen Minehan dalam HR

magazine, Mac, 1996 (HR Home Page Internet), pada tiap-tiap tahun Malaysia hanya boleh mengeluarkan jurutera seramai 5,700 orang dan keperluan negara adalah lebih kurang dua kali ganda daripada jumlah yang ada. Tambahan lagi, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah membentangkan rancangan baru bagi membawa masuk pakar-pakar Sains dan jurutera asing (Migration News, vol.1, no.6, Jun 1994). Beliau menjangkakan menjelang tahun 2000, seramai 56,000 jurutera akan diperlukan oleh negara, manakala sekarang, jumlah jurutera-jurutera yang ada hanyalah seramai 20,000 sahaja. Oleh itu, pihak Kementerian merancang untuk membuat lawatan ke negara-negara membangun untuk mengambil jurutera-jurutera bekerja di Malaysia. Mengikut rancangan yang berkaitan dengan tenaga kerja tidak mahir pula, Pusat Penyelidikan Perumahan Universiti Pertanian Malaysia ada mengatakan bahawa dalam masa 5 tahun akan datang, 800,000 buah rumah akan diperlukan dan bilangan pekerja yang diperlukan adalah seramai 160,000 orang.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, tidak hairan mengapa Malaysia menjadi tumpuan kepada pendatang dari negara asing. Keadaan ekonomi Malaysia sendiri telah membuka pintu pekerjaan kepada lebihan tenaga kerja di beberapa bahagian di Asia. Perkembangan penghijrahan

buruh asing untuk mencari pekerjaan telah berlaku di Malaya sejak kurun ke 15 lagi. Mengikut fakta-fakta sejarah, pada kurun ke 15, Malaya terletak di dalam perjalanan perniagaan rantaui Asia Timur. Ia terbuka kepada pedagang-pedagang dari timur dan barat sejak beberapa lama yang lalu.

Mengikut Patrick Pillai, 1992, kira-kira 40 peratus dari 18 juta penduduk Malaysia adalah terdiri dari keturunan pendatang asing. Ini adalah kerana Malaya terletak di satu lokasi yang strategik untuk para pedagang singgah dan membuka pengkalan di sini. Ketika itu, Malaya adalah di bawah jajahan British. Pada masa pemerintahan British, ramai imigran Cina dan India dibawa masuk untuk menjadi buruh di lombong-lombong dan estet-estet Malaya dan oleh itu, menjadikan Malaysia sekarang terdiri daripada berbilang bangsa dan keturunan.

Kedatangan pekerja-pekerja asing pada akhir tahun 1980an dan sehingga kini adalah kebanyakannya terdiri dari negara-negara jiran terutamanya, Indonesia, Bangladesh, Filipina, Thailand dan Pakistan. Maklumat mengenai aliran penghijrahan pekerja asing ke Malaysia tidak dapat kita ketahui dengan tepat kecuali dari sumber-sumber yang tidak rasmi. Ini adalah kerana bilangan sebenar jauh lebih ramai dari bilangan

rasmi yang didaftarkan. Kebanyakan pendatang asing adalah terdiri daripada pendatang tanpa izin. Punca utama berleluasanya kegiatan tersebut kerana wujudnya kemudahan-kemudahan yang sedia ada bagi para pendatang untuk berbuat demikian. Kemudahan tersebut adalah seperti adanya agen buruh gelap, tekong darat dari Malaysia dan Thailand, tongkang haram yang sanggup membawa mereka ke tempat destinasi, agen paspot haram dan adanya saudara-mara serta sahabat-handai yang bekerja di sini.

Mengikut Utusan Malaysia pada 6hb Januari 1997, kerajaan menganggarkan 1.5 juta rakyat asing yang bekerja secara haram di negara ini. Rakyat asing yang masuk secara rasmi adalah lebih kurang 1 juta orang. Oleh itu, lebih dari separuh bilangan pekerja asing yang masuk secara tidak rasmi. Pegawai Kerajaan Bangladesh yang tercatit di dalam ‘Features News’, Ahad, 11hb. Oktober 96, memberitahu bahawa lebih kurang 100,000 rakyat Bangladesh di Malaysia kebanyakannya bekerja di ladang dan kilang.

Pekerja asing yang berada di Malaysia kebanyakannya adalah terdiri daripada yang tidak mahir. Satu kajian telah dijalankan oleh Jabatan Tenaga Rakyat dalam tahun 1994. Dalam kajian tersebut, antara

sektor-sektor yang dikenalpasti kekurangan tenaga kerja adalah di dalam sektor perkilangan, pembinaan, perladangan dan sektor perkhidmatan. Kumpulan tenaga kerja yang tidak mahir dan separa mahir diperlukan dalam sektor-sektor tersebut.

Mengikut ‘The Indonesia Times-Business and Finance, 20/9/96’, seramai 20,000 pekerja asing dianggarkan sebagai pekerja tidak mahir di dalam sektor perindustrian dan sementara lebih daripada 1.8 juta orang lagi adalah dalam sektor pembinaan dan sektor perladangan.

Malaysia adalah di antara negara di Asia yang mempunyai jumlah pekerja asing yang tertinggi, iaitu dianggarkan dari 4 ke 10 peratus dan malah ini lebih tinggi dari Taiwan yang hanya 1 peratus dan Jepun, 0.6 peratus. Namun begitu, satu tinjauan mengenai prospektif pekerjaan di dalam sektor perkilangan, Kementerian Sumber Manusia menganggarkan bahawa, walaupun kini Malaysia menghadapi kekurangan pekerja tidak mahir, tetapi menjelang tahun 2000 lebihan pekerja tidak mahir akan berlaku dan Malaysia akan mengalami pula kekurangan pekerja mahir dan profesional (Migration News, vol.2, #1, Jan. 1995).

Kemasukan pekerja asing yang tidak mahir telah berlaku sejak akhir tahun 1970an lagi. Kebanyakan mereka diambil bekerja di ladang-

ladang terutamanya di Pahang, Johor dan Sabah. Tetapi buat masa ini pekerja asing boleh didapati di semua negeri dan sektor yang paling ketara sekali ialah di dalam sektor pembinaan, perkilangan dan perladangan. Oleh kerana ekonomi Malaysia telah mencapai guna tenaga penuh, keperluan tenaga pekerja yang serius telah di hadapi pada akhir tahun 1980an. Keadaan ini adalah kerana ekonomi negara meningkat dengan kadar 8 peratus ke 9 peratus setahun, kadar tenaga buruh sebanyak 2 peratus ke 3 peratus dan guna tenaga naik dengan kadar 3 peratus ke 4 peratus. Oleh itu, satu dari kesan kelonjatan ekonomi negara dan pertumbuhan peluang-peluang pekerjaan ini ialah berlakunya kekurangan tenaga buruh seperti di akhir tahun 1980an sehingga kini.

Tindakan awal yang diambil oleh kerajaan adalah dengan membuat beberapa perjanjian dengan negara-negara jiran iaitu Indonesia, Filipina, Thailand, Bangladesh, India dan Pakistan untuk mengambil pekerja asing bagi memenuhi keperluan kekurangan pekerja. Namun begitu, Malaysia telah membekukan pengambilan pekerja asing tidak mahir dan separa mahir pada Januari 7, 1994. Lanjutan dari itu, pada bulan Julai, 1996, kerajaan telah membekukan pengambilan pekerja asing yang baru. Tindakan ini dilakukan bagi memastikan pengawasan dan kawalan

terhadap kebanjiran pendatang asing ke negara ini dapat dijalankan dengan lancar.

Kedatangan pendatang asing ke negara ini telah bertukar dari menjadi rahmat kepada dilema kerajaan bagi menjaga keutuhan ekonomi negara. Memang tidak dinafikan sumbangan pekerja asing di dalam pembangunan infrastruktur dan ekonomi negara. Tetapi sumbangan ini telah dibalas dengan upah yang lumayan serta penggunaan kemudahan awam percuma semasa mereka di sini. Dilema kerajaan ini melibatkan pekerja asing dan pendatang tanpa izin kerana di samping keperluan terhadap pekerja asing, kebolosan pintu masuk ke negara ini telah menambahkan bilangan pendatang tanpa izin yang mana semua ini akan membawa kepada ancaman keselamatan negara. Walaupun pada asalnya kedatangan pekerja asing ini amat diperlukan oleh sebab keadaan ekonomi Malaysia. Namun begitu sejak kebelakangan ini, kebanjiran pendatang tanpa izin telah menjadi satu isu yang serius yang perlu dikawal dan ditangani. Kebanjiran ini membawa kepada ancaman keselamatan negara, masalah sosial yang negatif seperti jenayah, setinggan yang semakin menjadi-jadi dan gejala sosial yang lebih serius dan membimbangkan.

Mengikut Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, (Mingguan Malaysia, 27/4/97), jumlah pekerja asing yang berdaftar secara sah di negara ini adalah kira-kira 1 juta orang. Manakala jumlah pendatang asing yang masuk secara haram di negara ini dianggarkan hampir 2 juta orang.

Namun begitu, sebagai sebuah negara yang sedang berkembang dan mengalami pembangunan yang pesat, masalah pendatang asing ini tidak dapat dielakkan seperti yang telah dan sedang berlaku di negara-negara maju di barat. Penghijrahan adalah di antara fenomena survival manusia kerana lumrah manusia adalah tertarik kepada yang lebih baik, lebih cantik, lebih selesa dan senantiasa mencari peluang yang membawa kepada kesejahteraan sosial masing-masing. Ini dapat dibuktikan dari teori migrasi manusia dan kajian-kajian yang terdahulu<sup>1</sup>. Teori ini akan dibincangkan di dalam bab yang akan datang.

---

<sup>1</sup> Everette S. Lee, "A Theory of Migration," Demography, Vol. 3, No. 1, 1966, pg. 47-57 , dicetak semula dalam David M. Heer (disunting), Readings on Population, N. Jersey: Prentice Hall, 1968, pg. 181-193.

## **1.2 Tujuan/ Hipotesis.**

Tujuan kajian adalah untuk melihat peranan faktor-faktor kos dan faedah pekerja Indonesia dan Bangladesh dalam bentuk nilai kewangan dan faktor-faktor latar belakang yang dijangkakan mempengaruhi tempoh lama mereka bekerja di Malaysia.

Pekerja asing dalam kajian ini merangkumi pekerja yang rasmi dan tidak rasmi. Motif asal atau utama bagi penghijrah pekerja kontrak atau pekerja jangka pendek atau lebih dikenali sebagai ‘target saver’ ialah untuk mengumpul wang seberapa banyak dan secepat mungkin supaya dapat pulang ke tanahair dengan modal yang mencukupi untuk mereka memulakan kehidupan baru di negara sendiri (Gurushri Swamy, 1981).

Menurut Dana Kewangan Antarabangsa (IMF, International Monetary Fund), definisi bagi pendapatan pekerja ialah faktor pendapatan yang diperolehi oleh pekerja-pekerja sementara yang bekerja di luar negara yang kurang dari 12 bulan. Definisi wang kiriman pulang pula adalah nilai kiriman persendirian dari pekerja yang tinggal di luar negara yang lebih dari satu tahun.

Mengikut kajian Gurushri Swamy, semakin lama penghijrah itu tinggal di tempat mereka bekerja, kemungkinan besar sebilangan dari

mereka akan terus menetap di negara itu dan perbelanjaan mereka bertambah serta berkurangan dari segi penyimpanan. Oleh itu, keputusan yang ingin dilihat ialah : a) siapa pekerja asing yang cenderung untuk lama bekerja di Malaysia b) tempoh pulang modal bagi pekerja asing ini c) kaitan pendapatan dengan tempoh bekerja di Malaysia d) kaitan kos migrasi dengan tempoh bekerja e) kaitan perbelanjaan bulanan dengan tempoh bekerja.

Mengikut satu kajian yang lain pula, kadar simpanan adalah lebih tinggi semasa pekerja tinggal di perantauan dan perbelanjaan adalah lebih tinggi semasa di negara sendiri dan juga, jangka masa tinggal di perantauan akan menjadi lebih singkat sekiranya kadar simpanan tinggi dan kos migrasi dapat diatasi. Ini adalah kerana setiap pekerja asing lebih suka bekerja di negara sendiri dari berhijrah ke negara asing (Djajig. S & Milborne. R, 1988).

### **1.3 Skop/Bidang kajian.**

Skop kajian tertumpu kepada dua golongan pekerja asing iaitu : a) pendatang daripada Indonesia b) pendatang daripada Bangladesh. Kajian

ini dibuat terhadap : faktor-faktor kewangan kos-faedah dan faktor-faktor latar belakang imigran dan kaitannya dengan tempoh bekerja.

a) Faktor-faktor kewangan kos-faedah:

- 1) Pendapatan bulanan di Malaysia
- 2) Perbelanjaan bulanan di Malaysia
- 3) Kos migrasi.
- 4) Tabungan yang dirancang.

b) Faktor-faktor latar belakang.

- 1) Umur
- 2) Perbelanjaan keluarga di negara masing-masing.
- 3) Taraf pendidikan
- 4) Kemahiran

Kawasan yang dikaji adalah kawasan Lembah Kelang iaitu di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### **1.4 Kepentingan kajian.**

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengetahui siapa pekerja asing yang cenderung untuk lebih lama bekerja di Malaysia samada di sebabkan oleh faktor kewangan atau faktor latar belakang.

Oleh itu, dari keputusan itu nanti, mungkin dapat dikaitkan dengan polisi kerajaan bagi mengawal kebanjiran pekerja asing di Malaysia terutamanya bagi pekerja tidak mahir. Bagi pihak majikan yang mengambil banyak pekerja asing selain dari sebab kekurangan pekerja tempatan, ada yang berpendapat bahawa mereka perlu mengambil pekerja luar yang tidak mahir bagi pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran dan memberi kemahiran kepada pekerja tempatan supaya kerja-kerja mahir dapat dilakukan oleh mereka. Oleh itu, taraf pekerja tempatan dapat dinaikkan<sup>2</sup>.

---

<sup>2</sup> Sedutan pendapat Datok Khalid , Pengarah Guthrie Bhd, dalam rancangan Face to Face, Rabu, 5/3/97.

## **1.5 Metodologi.**

Pengkaji telah menggunakan 4 sumber utama dalam membantu menjalankan kajian ini. Sumber-sumber yang digunakan ialah:

- 1) Perpustakaan
- 2) Internet
- 3) Soalan soal selidik
- 4) Data dari pejabat-pejabat kerajaan

### **1) Perpustakaan**

Kajian perpustakaan diperlukan bagi mendapatkan buku-buku mengenai kajian pengkaji terutama buku-buku teks, jurnal, buku rujukan dan tesis. Majalah-majalah hasil tulisan antarabangsa dan keratan akhbar-akhbar lama, juga boleh didapati di sini. Perpustakaan yang banyak memberi khidmat pada pengkaji ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Majalah, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Siswazah (IPTS), Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Kementerian Sumber Manusia.

## 2) Internet

Sumber ini banyak membantu memberi maklumat terkini mengenai pekerja asing di Malaysia dan Asia. Sebahagian dari data-data pekerja asing didapati dari sumber ini.

## 3) Kajian awal dan penyediaan soalan soal-selidik

Bagi penyediaan soalan soal-selidik, pengkaji telah menjalankan kajian awal untuk menguji kesesuaian soalan selidik yang telah disediakan. Kemudian ada sedikit pembetulan seperti membaiki cara soalan, tumpuan kepada kumpulan sasaran dan meringkaskan lagi soalan supaya para responden lebih senang memahami dan mudah memberi maklumat yang diperlukan.

Setelah kajian awal ini disempurnakan, tugas mengedarkan kertas soal-selidik pun dimulakan. Setelah mengedar, kami terpaksa mencari jurubahasa dan melantik ketua di setiap kumpulan yang kami temui supaya mudah bagi kami untuk membuat temujanji dengan para responden bagi memastikan semua soalan dapat difahami dan dijawab

mengikut kehendak kami. Tempoh menjalankan tugas ini mengambil masa selama 3 bulan.

#### 4) Data dari pejabat -pejabat kerajaan

Data pejabat kerajaan banyak didapati dari Jabatan Imigresen Damansara, di blok I dan blok E, Pejabat Petugas Khas Pekerja Asing serta Kementerian Sumber Manusia. Selain daripada data, beberapa pegawai di situ sempat juga ditemuramah.

#### **1.6 Kesulitan semasa kajian.**

Kesulitan semasa menjalankan kajian memang ada, di antaranya ialah:

##### a) Menemuramah responden.

Responden yang banyak menimbulkan kesulitan ialah bangsa Bangladesh. Mereka kurang faham bahasa melayu, tetapi masalah ini dapat di atasi kerana ada jurubahasa untuk menerangkan soalan soal-selidik. Bagi responden Indonesia, bahasa tiada masalah, soal-selidik ini

terpaksa diterjemahkan dan diolah sedikit supaya mudah difahami. Walau bagaimanapun banyak maklumat tidak dapat dipenuhi.

b) Kekurangan data dan maklumat.

Memang tidak dinafikan, data mengenai buruh asing ini sukar untuk didapati. Salah satu sebabnya ialah kajian terperinci belum ada atau benci yang dijalankan untuk mereka belum dilakukan. Tambahan pula bilangan sebenar pekerja asing ini jauh berbeza dari jumlah yang dicatatkan. Maklumat dari seminar-seminar dan majalah-majalah penting juga sukar diperolehi, malah tiada di perpustakaan. Kesulitan seperti ini, maklumat berasas dan kukuh agak sukar diperolehi.

c) Buku di perpustakaan.

Buku yang diperlukan untuk penyelidikan ini sukar untuk diperolehi dan ini amat mengecewakan kerana buku-buku itu penting bagi penambahan maklumat untuk kajian ini.